

"Tahun ini, tiga lelaki warga tempatan dan seorang wanita warga asing berjaya diberkas manakala seorang bayi ditemui, Khalid Abu Bakar

28-11-2016

'Kami sudah ambil tindakan'

H. metro
28/11/16
mls-27



Siasat doktor terlibat, kemudahan kesihatan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan sudah menjalankan siasatan terhadap doktor dan kemudahan kesihatan yang dipaparkan dalam dokumentari oleh stesen televisyen Al-Jazeera berhubung isu pemerdagangan bayi.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, tindakan terhadap mereka akan diambil bergantung kepada hasil siasatan yang dijalankan.

"Ia termasuk tindakan disiplin oleh Majlis Perubatan Malaysia yang boleh membawa kepada tindakan pembatalan pendaftaran doktor oleh Daftar Perubatan mengikut Akta Perubatan 1971 serta pembatalan sijil atau lesen pusat berkenaan," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Dr S Subramaniam berkata, semua pengamal perubatan juga diminta sentiasa mematuhi standard tingkah laku peribadi yang betul untuk menjaga maruah profesion.

Katanya, pelanggaran standard yang digariskan dalam etika profesional termasuk terbabit dalam aktiviti



DR Subramaniam

penyeludupan manusia boleh mendorong kepada perlakuan yang menghina reputasi profesion perubatan.

Pada masa sama, katanya semua kemudahan kesihatan dan perkhidmatan swasta di negara ini dikawal dan dikawal selia dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, dan subsidi-arnya.

"Jadi, semua pemegang sijil dan lesen kemudahan kesihatan bertanggungjawab memastikan semua amalan di pusat berkenaan sentiasa mematuhi undang-undang negara ini," katanya.

PDRM nafi laporan Al-Jazeera Malaysia hab penjualan bayi

Faliq Lajim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia (PDRM) berang dengan dakwaan stesen televisyen Al-Jazeera yang melabelkan Malaysia sebagai hab sindiket penjualan bayi.

Stesen televisyen itu melalui laporan video menggambarkan aktiviti pemerdagangan bayi semakin berkembang di negara ini ekan wujud sindiket bersekongkol dengan penjawat awam.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar melalui

kenyataannya tidak menafikan wujudnya aktiviti penjualan bayi di negara ini namun pihak yang melakukan jenayah itu sudah diambil tindakan.

"Polis sentiasa mengambil tindakan tegas dan bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan aktiviti pemerdagangan dan sebarang bentuk eksploitasi terhadap wanita dan kanak-kanak diberi keutamaan.

"Usaha ini dipergiatkan lagi dengan penubuhan Unit Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Anti Penyeludupan Migran (Atipsom) D7C pada 2008, dan juga baha-gian siasatan seksual wanita dan kanak-kanak (D11), Ja-

batan Siasatan Jenayah (JSJ)," katanya.

Menurutnya, polis sehingga kini berjaya menahan 15 individu terbabit dalam sindiket penjualan bayi sejak 2010 sehingga kini.

"Pada 2010, kami menangkap enam individu membabitkan seorang doktor dan anaknya, tiga jururawat serta seorang penjawat awam yang terbabit dengan aktiviti itu.

"Manakala pada 2014, polis sekali lagi menumpaskan sindiket yang beroperasi di Pedas, Negeri Sembilan susulan kejayaan menahan seorang lelaki dan seorang wanita," katanya.

Khalid berkata, tiga perempuan, tiga lelaki bawah umur dan seorang bayi berjaya diselamatkan.

"Pada tahun lalu pula, polis berjaya menyelamatkan

21 perempuan dan menahan tiga suspek. Empat daripadanya remaja bawah umur selain polis menyelamatkan tiga bayi dalam kes sama di Gombak, Selangor.

"Sementara itu dalam kes berasingan tahun ini, tiga lelaki warga tempatan dan seorang wanita warga asing berjaya diberkas manakala seorang bayi ditemui," katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut akan dijalankan terhadap dakwaan laporan stesen televisyen berkenaan bagi membolehkan tindakan diambil.

Sementara itu, Khalid juga menggesa masyarakat mengambil anak angkat dengan mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan bagi memastikan tidak wujud ruang bagi eksploitasi kanak-kanak.